

Ketua semua agama digesa promosi keadilan sejagat

Oleh ASLINDA NASIR, MOHD. HUSNI MOHD. NOOR dan QHOLIJAH ZULKIFLI
utusannews@mediamuia.com.my

PETALING JAYA: Ketua semua agama perlu lebih efektif memainkan peranan menegakkan keadilan sejagat kerana rakyat sudah muak dengan perbalahan dalam kalangan pemimpin politik yang tiada kesudahan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, situasi tersebut menyebabkan peranan itu kini perlu dimainkan pemimpin semua agama.

“Mereka boleh bercakap atas suara mereka tentang demokrasi, hak asasi manusia. Kita tidak tahu nak percaya siapa lagi.

“Jadi, biarlah ketua agama memainkan peranan yang lebih berkesan, galakkan pandangan. Anda mungkin seorang pemimpin Buddha, anda mungkin seorang pemimpin Hindu. Anda mungkin seorang pemimpin Islam atau pemimpin Kristian. Keadilan tetap keadilan.

“Jangan sekali-kali benarkan ketidakadilan berlaku terhadap sesiapa,” katanya ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa Ketua-Ketua Agama 2024 di sini, semalam.

Persidangan tersebut menarik penyertaan hampir 2,000 ulama dan cendekiawan dari 57 negara.

Anwar berkata, persidangan itu sangat penting kerana ia satu daripada isu mendesak pada masa kini dengan pandangan hidup yang dikaitkan



SEBAHAGIAN daripada peserta yang hadir pada perasmian Persidangan Antarabangsa Ketua-Ketua Agama 2024 di Bandar Sunway semalam.

dengan ketidaksepakatan, perselisihan dan perpecahan.

Dengan tema *Kesatuan Dalam Kepelbagaian*, Perdana Menteri berkata, semua pemimpin agama perlu mengambil peluang untuk menyebarkan nilai kemanusiaan sebenar berikutan pembunuhan di Gaza.

“Di manakah agama kita jika kita tidak mempunyai belas kasihan? Dan ihsan dan rahmah, di manakah agama kita yang kita tidak bercakap tentang keadilan? Dan apakah makna kepercayaan agama apabila kita membenarkan ketidakadilan yang dilakukan terhadap rakyat kita?” soalnya.

Malah, kata beliau, mesej mengenai keadilan di Gaza sangat jelas di mana ia harus dihormati dan prinsip ini teguh tidak mengira mana-mana

pihak.

“Mesej ini harus lantang dan jelas kepada rakan-rakan saya di sini dan di luar negara, di timur dan barat, bahawa ini mesti dihormati. Sama ada orang Islam adalah majoriti di Malaysia atau orang Islam adalah minoriti di tempat lain, mana-mana pihak tidak boleh mengharapkan kami untuk melakukan keadilan kerana anda melakukan penderaan dan ketidakadilan yang teruk di tempat lain,” ujarnya.

Mengambil contoh keadaan di Malaysia, Anwar berkata, 60 peratus penduduk adalah Islam dan ia adalah agama Persekutuan.

Namun dalam masa sama, kata Anwar, Malaysia tidak menafikan hak kaum lain dengan terus memelihara bagi menja-

min keadilan seluruhnya.

“Kami menghormati hak setiap warganegara, Islam atau Buddha atau Kristian atau Hindu. Mereka mempunyai semua hak di negara ini. Jadi, apa mesejnya? Adakah ini amanah kepercayaan yang dipatuhi oleh semua? Sudah tentu tidak,” ujarnya.

Oleh itu, katanya, persidangan kali ini sangat penting dengan menyifatkan naratif baharu dalam perkara ini amat diperlukan.

“Orang yang tidak jujur dari segi intelek akan mendakwa bahawa keretakan ini adalah hasil yang tidak dapat dielakkan daripada perang budaya. Begitu juga golongan yang rosak akhlak dalam masyarakat, kita akan menyokong, mendapat manfaat daripada apa yang melanda dunia hari ini.

“Dan akhirnya penilaian itu bukan dari anda dari kelas mana, bukan warna anda, bukan kekayaan anda. Adakah tahap dedikasi anda, kehambaan anda dan ketakwaan anda? Perbezaan itu diakui, namun saya tidak memilih untuk mempunyai warna ini,” kata beliau.

Sementara itu di Putrajaya, Anwar berkata beliau akan mengadakan pertemuan dengan Petronas minggu ini bagi memperincikan kerjasama syarikat itu dengan Saudi Aramco di Kompleks Bersepadu Pengerang, Johor.

Perdana Menteri berkata, Saudi Aramco sebelum ini sudah menyatakan komitmen untuk memperluas fasilitinya di Pengerang.